

**Rithauddeen: Pemansuhan subsidi diesel bukan alasan**

# Kerajaan jamin harga barang tidak naik



TENGU AHMAD RITHAUDEEN

**KUALA LUMPUR, Sela-**sa — Harga barang-barang keluaran perindustrian tidak akan naik walaupun subsidi minyak diesel dimansuhkan.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian, Tengku Ahmad Rithauddeen yang memberi jaminan itu selepas pemansuhan dikuatkuasakan kelmarin berkata, tidak ada sebab kilang-kilang perusahaan menaikkan harga keluarganya kerana penarikan subsidi itu tidak akan membebankan mereka.

Beliau memberi amaran keras bahawa tindakan tegas

Oleh HAFIFI HAFIDZ

akan diambil sekiranya pekilang-pekilang menaikkan harga keluaran mereka sewenang-wenangnya tanpa kelulusan kerajaan.

Sektor industri perkilangan menggunakan kira-kira 50 peratus dari jumlah diesel yang diperlukan dalam negeri.

## Dua sebab

Tengku Ahmad Rithauddeen berkata, pegawai-pegawai penguatkuasa di seluruh negara telah diarah supaya mengawasi dan mengambil tindakan sekiranya ada peniaga-peniaga yang cuba mengambil kesempatan dari penarikan subsidi untuk memeras rakyat.

"Penarikan ini tidak membebankan semua pihak dan oleh itu kerajaan merasakan tidak wajar harga barangan dinaikkan," tegasnya.

Sebabnya, harga barangan tidak boleh naik kerana sebelum beralih ke minyak diesel yang harganya lebih rendah, semua pekilang menggunakan petrol.

Dan, bila beralih ke minyak diesel, tidak pula ada penurunan harganya. Oleh itu, penarikan subsidi untuk bahan itu tidak patut dijadikan alasan untuk menaikkan harga keluaran.

Tengku Ahmad Rithauddeen menjelaskan, ada dua sebab utama kerajaan terpaksa menarik balik subsidi, iaitu banyak penyulung diesel ke luar negeri dan sektor industri serta agensi-agensi kerajaan telah meraih faedah dari pemberian subsidi itu.

Kerajaan menyedari kegiatan menyeludup minyak diesel banyak berlaku di sempadan kerana harga diesel di Malaysia lebih rendah dari harga di negara-negara lain, termasuk Indonesia, Jerman, Filipina dan Thailand, seliter diesel berharga antara 65 dan 75 sen berbanding dengan 88.6 sen di negara ini.

Katanya, kegiatan menyeludup bahan itu tidak akan hapus sama sekali dengan pemansuhan subsidi itu, tetapi sekurang-kurangnya kerajaan tidak lagi menanggung beban kewangan dari kegiatan itu.

Tengku Rithauddeen berkata, tujuan subsidi ialah untuk membantu golongan yang berpendapatan rendah, tetapi kesempatan itu digunakan oleh sektor industri dan beberapa agensi kerajaan untuk meraih faedah seberapa banyak yang boleh.

Industri-industri ini, yang dahulunya menggunakan petrol sebagai bahan pembakar, beralih ke diesel kerana harganya lebih rendah. Adalah dijangka dengan penarikan semula subsidi ini, industri akan beralih semula kepada penggunaan minyak pembakar itu.

Beliau berkata, sejak tahun 1976 hingga 1982, sejumlah \$2,700 juta subsidi dikeluarkan, manakala bagi tahun lalu saja perbelanjaan dianggarkan \$757 juta.

"Adalah dianggarkan dengan pemansuhan itu, kerajaan akan dapat menyelamatkan \$300 juta tahun ini," tambahnya.

## Nelayan

Menurut beliau, kerajaan sedar pemansuhan subsidi itu akan membebankan sektor-sektor yang menggunakannya, tetapi bagi setengah-setengah sektor seperti pengangkutan awam dan nelayan telah diberi pilihan untuk menukarkan bebanan itu.

Mengenai beberapa sektor yang mendedak bahawa mereka juga patut diberi pilihan seperti itu, Tengku Ahmad Rithauddeen berkata, pihaknya bersejua untuk mendengar segala cadangan mereka.

"Mereka bolehlah membawa perkara itu kepada Kementerian-Kementerian yang bertanggungjawab dan kami sedia mendengar sebarang cadangan atau sarannya," tambahnya.

Katanya, tanggungan subsidi itu tidak boleh selama-lamanya dibebankan kepada kerajaan saja dan rakyat seharusnya menghapuskan sikap itu serta mula berdikari.